

Nama:

Lengkapkan tempat kosong dalam ayat-ayat berikut dengan kata hubung yang paling tepat.

 **Kata Hubung**

Kita Sudah Berjaya

Pagi Ahad yang lalu, Amar, Damrong, Izuni dan Iffah berkumpul di hadapan pintu masuk ke kawasan perumahan mereka. Mereka bercadang **untuk** membantu penduduk di kawasan perumahan mereka menyiapkan pondok kawalan keselamatan. Walaupun usia mereka masih muda, mereka sanggup memerah keringat demi sayang akan kawasan perumahan mereka.

Penduduk membawa alatan		cangkul, penukul, paku, kayu dan lain-lain
Seterusnya, ketua kampung berdiri		memberikan taklimat
Selepas itu, mereka mula bekerja		tekun
Ada yang ditugasi		membancuh simen
Izuni menyediakan minuman		Iffah menyiapkan makanan
Akhirnya, pondok keselamatan itu berjaya disiapkan		menjelang tengah hari
Setelah kerja selesai, penduduk kampung berehat		menikmati hidangan

Kata Hubung Pilihan: lalu, seperti, sambil, manakala, tatkala, dengan, untuk

Kerja menyiapkan pondok keselamatan ini bukanlah perkara yang mudah. Ketua kampung menyatakan **bahawa** hanya kerjasama yang jitu daripada penduduk dapat menyiapkan pondok tersebut. Oleh itu, ketua kampung mengucapkan terima kasih kepada semua **yang** terlibat.